

# Pertandingan menamakan anak panda bulan depan

» *Malaysia catat rekod kelahiran panda secara semula jadi terpantas*

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

■ **Hulu Kelang**


**O**rang ramai berpeluang menamakan anak pasangan panda gergasi, Liang Liang dan Xing Xing menerusi pertandingan yang akan diadakan bulan depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata menteriannya bekerjasama dengan Zoo Negara untuk menganjurkan pertandingan itu.

Katanya, menteriannya akan memilih nama terbaik bagi anak panda betina itu sebelum merujuk kepada kerajaan China untuk mendapatkan persetujuan.

“Berdasarkan perjanjian dengan China, kita berhak menamakan anak panda yang lahir di sini, tetapi nama itu perlu mendapat persetujuan negara itu.

“Nama anak panda itu akan diberikan selepas enam bulan dilahirkan, iaitu apabila ada jaminan menunjukkan ia si-



**Wan Junaidi (dua dari kiri) melihat gelagat Xing Xing ketika mengadakan lawatan kerja ke Pusat Konservasi Panda Gergasi, Zoo Negara, semalam. Turut kelihatan, Rosly@Rahmat (kanan).**

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

hat dan akan terus hidup,” katanya pada sidang media selepas melawat Pusat Konservasi Panda di Zoo Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azizan Ahmad; Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly@Rahmat Amat Lana dan Pengarah Zoologi dan Veterinar, Pusat Konservasi Panda Gergasi, Dr Mat Naim Ramli.

Wan Junaidi berkata, anak panda yang dilahirkan pada 18 Ogos lalu, menjadikan Malaysia sebagai pemegang rekod

kelahiran panda secara semula jadi di luar China terpantas, iaitu dalam tempoh 15 bulan.

Sebelum ini, rekod dipegang oleh Jepun, iaitu 17 bulan.

“Rekod itu menunjukkan pekerja Zoo Negara diketuai Dr Mat Naim berjaya mewujudkan suasana yang sesuai kepada kedua-dua panda gergasi itu tanpa menjejaskan waktu subur haiwan berkenaan,” katanya.

**Tarik 156,764 pengunjung**

Pusat Konservasi Panda Gergasi yang dibuka kepada umum pada Jun tahun lalu,

berjaya menarik 156,764 pengunjung dari tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos lalu.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, kerja menaik taraf Zoo Negara akan siap menjelang akhir tahun depan, sekali gus menjadikannya sebagai zoo bertaraf antarabangsa pada tahun 2017.

“Projek itu membabitkan kos RM70 juta bagi kerja mengubah sistem saliran dan perparitan, kumbahan, landskap kejur dan lembut serta merawat air Tasik Tunku Abdul Rahman tanpa merosakkan ekosistem,” katanya.